

17/05/1999

Berpadu tenaga demi negara

SUDAH menjadi lumrah, belia adalah pewaris kepada setiap keturunan, bangsa dan negara. Ia tidak terkecuali di negara mana sekali pun. Oleh itu, tanggungjawab untuk mencorakkan masa depan negara terletak kepada golongan berkenaan. Jika belia bergerak di landasan betul, mereka akan dapat menerajui negara dengan lebih baik lagi tetapi jika mereka yang dipilih untuk meneruskan perjuangan negara kelak daripada golongan yang diasuh supaya mengambil alih kuasa menerusi cara yang tidak diizinkan, mereka juga akan disingkirkan dengan cara demikian. Negara tidak akan aman jika ia dikemudi oleh golongan yang sejak awalnya tidak berakhlak mulia.

Lambat laun, belia hari inilah akan mewarisi dan menerajui kepemimpinan negara. Keadaan ini akan berterusan daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Di Malaysia, saluran untuk menentukan kesinambungan kepemimpinan negara terbuka luas kepada belia. Untuk mempersiapkan diri mereka, golongan itu diberi didikan istimewa dalam bidang pelajaran setinggi yang mampu dan dilatih menjadi warganegara yang taat dan patuh kepada undang-undang negara. Paling penting, mereka diasuh menghargai kemerdekaan dan kedaulatan negara. Mereka juga perlu insaf terhadap pengorbanan generasi sebelumnya yang bertarung nyawa untuk membebaskan negara ini daripada cengkaman penjajah. Hari ini belia dilatih supaya tabah menghadapi cabaran yang boleh menggugat keharmornian dan kedaulatan negara. Cabaran paling besar ialah menguji ketahanan diri belia dalam menghadapi pengaruh yang boleh merosakkan pemikiran mereka. Kebelakangan ini, pengaruh dan ancaman pihak yang cuba menjajah semula negara ini menggunakan pelbagai cara dan tipu helah, begitu ternyata sekali. Niat mereka ialah untuk mengucar-kacirkan kemakmuran negara. Malaysia dijadikan sasaran kerana pengaruhnya yang begitu kuat ke atas negara membangun yang lain.

Apabila Malaysia membuat sesuatu keputusan, ia dijadikan rujukan oleh negara lain. Kebanyakan keputusan Malaysia, sama ada mengenai soal ekonomi, perhubungan antarabangsa, isu global dan sebagainya menjadi ikutan banyak negara di rantau ini. Tindakan Malaysia itu menjadi penghalang kepada usaha kuasa asing untuk mengatur strategi mereka di rantau ini. Keadaan ini menyebabkan pihak tertentu beranggapan pengaruh Malaysia perlu dikikis. Disebabkan kekuatan negara terletak kepada belia, maka tidak hairanlah golongan yang berniat jahat itu ingin mempengaruhi pemikiran belia. Hanya melalui cara itu, mereka akan dapat mengatur langkah dengan lebih mudah. Selepas dapat mempengaruhi pemikiran belia yang akan mewarisi kepemimpinan negara, tugas mereka akan lebih mudah. Ini mereka lakukan dengan mengeksport budaya yang bertentangan dengan nilai negara ini menerusi pelbagai tarikan dan tipu helah. Mereka cuba menukar gaya hidup belia negara ini dengan cara yang popular di Barat. Pemikiran belia cuba diubah daripada golongan yang patuh kepada undang-undang kepada golongan penentang. Mereka diajak mempersoalkan kerajaan dan kebelakangan ini berarak di lorong dan di tengah-tengah jalan. Hari ini pula menerusi golongan tertentu, mereka mengajar belia menjadi kurang ajar dengan mempopularkan budaya mencarut dan maki hamun pemimpin. Mereka diajar mencari apa saja alasan untuk menidakkan kebenaran yang dilakukan oleh pemimpin kerajaan.

Seandainya belia tidak memiliki daya tahan yang kental, mereka bukan saja mengorbankan negara ini kepada pihak berkepentingan, malah nikmat kemerdekaan negara yang dikecapi selama 42 tahun lalu, akan berkecai.

Ingatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya golongan belia mempertahankan kemerdekaan negara adalah jujur. Jika belia, yang dianggap benteng ketahanan terakhir sendiri memberi laluan kepada anasir yang ingin merosakkan kestabilan dan keamanan negara, bermakna mereka sendiri mengundang kepada kehancuran Malaysia. Jika golongan belia yang tidak insaf ini mudah terpengaruh dengan dakwah golongan ini, Malaysia akan menempuh zaman gelap semula. Untuk membina sesuatu keruntuhan, mengambil masa yang panjang.

Adalah menjadi tanggungjawab belia supaya meningkatkan lagi kecemerlangan Malaysia. Mereka perlu sentiasa berada di barisan hadapan untuk menangkis serangan sama ada dari dalam atau luar. Anggota pertubuhan belia perlu berpadu tenaga dan membulatkan ikrar menjaga tanah air daripada sebarang ancaman. Mereka perlu mengharamkan apa juga bentuk penjajahan yang cuba diserapkan ke negara ini.

(END)